

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Debit PB Visa Day2Day. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.</p>	<p>Public Bank Berhad</p> <p>Kad Debit PB Visa Day2Day</p> <p>Oktober 2011</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Kad Debit PB Day2Day ialah kad dua-dalam-satu yang menggabungkan fungsi-fungsi kad debit Visa dan ATM. Kad ini dirangkaikan kepada Akaun Simpanan individu berkenaan dan apa-apa perbelanjaan akan ditolak terus daripada akaun simpanan perbankan. Ini adalah Kad Debit Visa, suatu instrumen pembayaran yang membolehkan anda membayar melalui potongan terus untuk kos bagi barang dan perkhidmatan daripada akaun simpanan perbankan anda di rangkaian runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Anda perlu mengekalkan akaun simpanan dengan kami, untuk dirangkaikan kepada Kad Debit Day2Day anda. Jika anda menutup akaun simpanan anda yang dikendalikan dengan kami, Kad Debit Day2Day tersebut akan terbatal secara automatik.</p>	
<p>2. Apakah yang saya dapat daripada kad ini?</p>	
<p>(i) Pulangan Tunai untuk Petrol, Barang Runcit & Pembelian Runcit Lain</p> <p>Terdapat 2 jenis Pulangan Tunai untuk Kad PB Day2Day seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ <u>Pulangan Tunai untuk Petrol dan Barang Runcit</u> Kad PB Day2Day menawarkan Pulangan Tunai sebanyak 0.8% atas apa-apa jumlah untuk urus niaga Petrol dan Barang Runcit (dengan had maksimum sebanyak RM30 sebulan). <p>Pulangan Tunai tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan pada setiap bulan.</p> <p><i>Nota: Pulangan Tunai tidak termasuk semua urus niaga e-debit.</i></p> ✓ <u>Pulangan Tunai bagi Pembelian Runcit Biasa</u> Nikmati Pulangan Tunai tanpa had sehingga 0.3% atas pembelian runcit lain yang dicajkan kepada Kad PB Day2Day. Tiada had maksimum. <p>Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan pada setiap bulan</p> <p><i>Nota: Pembelian runcit tidak termasuk urus niaga di kasino dan stesen petrol, urus niaga e-debit, pengeluaran tunai, urus niaga di kampus UTAR dan TARC, pembayaran berkaitan kerajaan, pembayaran kepada badan kebajikan, pembayaran menerusi www.pbepbank.com dan ATM.</i></p> <p>(ii) <u>Perolehan Faedah</u> Baki kredit akan memberi faedah yang akan dikreditkan setiap bulan, dikira berdasarkan baki harian dalam Akaun Kad Debit. Kadar Faedah mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2176 8000 atau e-mel ke custsvc@publicbank.com.my untuk kadar faedah terbaharu yang diterima pakai.</p> <p>(iii) <u>Capaian Tunai</u> Pelanggan boleh mengeluarkan wang tunai di semua ATM dalam negeri dan luar negeri yang mempunyai logo VISA/ PLUS.</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pengeluaran Tunai melalui ATM Public Bank, fi perkhidmatan adalah percuma. ✓ Pengeluaran Tunai melalui ATM Bank Anggota MEPS, fi perkhidmatan biasa sebanyak RM1 bagi satu urus niaga akan dikenakan. ✓ Pengeluaran Tunai melalui ATM di luar negeri akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak RM10 bagi setiap urus niaga. 	

(iv) Kawalan Kerap

Kekalkan baki dalam Akaun Kad Debit yang sesuai dengan gaya hidup yang anda inginkan. Pindahkan hanya apa yang diperlukan ke dalam Akaun Kad, hanya apabila perlu. PBeBank.com memudahkan urusan perbankan dari rumah atau pejabat, setiap hari, sepanjang tahun! Perkhidmatan yang disediakan termasuk pertanyaan baki, permintaan penyata, pindahan dana, maklumat urus niaga yang dibuat sebelum ini, pembayaran bil GIRO, perkhidmatan mengisi semula telefon bimbit serta lain-lain.

(v) Jumlah Pralulus untuk Urus niaga Petrol di Pam Luar

Jumlah Pralulus sebanyak RM200 diperlukan untuk urus niaga petrol di pam luar di stesen petrol tetapi sesetengah pengurus stesen petrol membenarkan jumlah ditekan di mesin pam. Jumlah pralulus akan dicaj kepada akaun kad debit anda semasa minyak diisi. Jumlah pralulus tersebut akan dibembalikan dan hanya jumlah sebenar bagi pembayaran minyak akan dicaj kepada akaun kad debit anda apabila Bank menerima jumlah pembayaran sebenar daripada bank yang memeroleh. Purata pegangan bagi pralulus tersebut adalah 10 hari.

(vi) Penerimaan Sedunia

Kad PB Day2Day diterima di 29 juta lokasi saudagar VISA di seluruh dunia. Ia boleh digunakan di mana-mana saudagar di dalam atau di luar negeri yang mempamerkan logo Visa. Kad tersebut juga boleh digunakan untuk pembelian runcit di mana-mana rangkaian saudagar di Malaysia yang mempamerkan logo BankCard atau MEPs di bawah fungsi e-debit.

(vii) Selamat & Tidak Perlu Membawa Wang Tunai

Dengan ciri-ciri keselamatan teknologi cip pintar yang terbaharu pada Kad PB Day2Day, Pelanggan juga boleh membayar bil, memindahkan wang atau membuat pembelian di mana-mana sahaja di mana VISA diterima. Ia berfungsi sebaik wang tunai namun tiada risiko dan tidak perlu membawa wang tunai.

(viii) Penyata Bulanan

E-Penyata bulanan percuma melalui perkhidmatan dalam talian untuk Ahli Kad memantau pembelian runcit mereka dengan menggunakan Kad PB Day2Day. Semua maklumat mengenai urus niaga pembelian direkodkan dalam E-Penyata Bulanan. E-Penyata Bulanan hanya disediakan bagi Pemegang kad yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Nota:

- ✓ *Penyata Bulanan dalam salinan keras dengan butir-butir mengenai semua urus niaga yang dibuat boleh didapati apabila diminta dengan fi bulanan sebanyak RM1.*
- ✓ *Urus niaga perbelanjaan juga akan ditunjukkan di dalam buku simpanan dengan butiran yang minimum.*

(ix) Ciri-ciri dan manfaat lain Kad PB Day2Day:

- ✓ Tiada caj kewangan bulanan
- ✓ Tiada caj kelewatan bulanan
- ✓ Berfungsi sebaik kad kredit

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- (i) Fi Tahunan
Kad Utama : RM8-00
- (ii) Fi Penukaran Kad
RM12-00 (diguna pakai bagi Permohonan Pelanggan PB BANKARD yang sedia ada)
- (iii) Fi Penggantian Kad
RM12-00
- (iv) Fi Pengeluaran Tunai
 - ✓ melalui ATM Public Bank : Percuma
 - ✓ melalui ATM Bank Anggota MEPS RM1-00 bagi setiap urus niaga yang berjaya
 - ✓ melalui ATM Bukan Anggota MEPS RM10-00 bagi setiap urus niaga yang berjaya
- (v) Fi Pertukaran Bagi Urus niaga di Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang akan ditentukan oleh Visa International atas budi bicara mutlaknyanya. Selain itu, anda juga perlu membayar kos pengurusan sebanyak 1.25% daripada jumlah Ringgit Malaysia yang ditukarkan bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga disebabkan naik turun pasaran. Kadar yang dikenakan hendaklah muktamad dan konklusif dan Ahli Kad hendaklah menanggung kesemua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank yang lain yang mungkin dikenakan.
- (vi) Fi Pencarian Rekod Jualan
RM15-00 bagi setiap permintaan untuk mencari rekod jualan
- (vii) Fi Memohon Penyata Tambahan
RM5-00 untuk setiap permohonan untuk penyata tambahan
- (viii) Fi Pertanyaan Baki
 - ✓ melalui ATM Public Bank & MEPS : Percuma
 - ✓ melalui ATM MEPS: RM1-00 bagi setiap pertanyaan

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal untuk menunaikan tanggungjawab saya?

Liabiliti Bagi Urus niaga Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang atau dicuri, liabiliti maksimum pemegang kad bagi urus niaga tanpa kebenaran dihadkan pada RM250, selagi pemegang kad tidak melakukan penipuan atau memaklumkan kepada kami mengenai kad debit yang hilang/dicuri secepat yang mungkin. Jika siasatan menunjukkan bahawa anda terlibat dalam menyebabkan apa-apa caj yang tidak diluluskan, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj yang dikenakan berikutan daripada itu, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan mengenai hal itu. Adalah dipersetujui secara nyata bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Baki Semasa tidak melebihi had yang telah ditetapkan oleh Bank.

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

Kad anda hilang atau dicuri.

Anda mesti memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta sebaik sahaja anda mendapati bahawa kad debit anda hilang atau telah dicuri. Untuk kehilangan dan kecurian kad, sila hubungi 03-2176 8555. Anda mesti melaporkan kepada Bank dengan serta-merta sekiranya nombor PIN rahsia anda telah diketahui oleh orang lain.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Public Bank secara bertulis jika terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di :

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my

7. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di :

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my
Laman web : www.pbebank.com

8. Produk-produk kad debit Public Bank lain yang disediakan

- Kad Debit PB Visa Electron
- Kad Debit PB ING MasterCard Paypass
- Kad Debit PB UTAR MasterCard
- Kad Debit PB TARC MasterCard
- Kad Debit PB-Esso Mobil Visa
- Kad Debit Manchester United Visa

Maklumat yang disediakan dalam helaian maklumat produk ini sah pada Oktober 2011.